

Ceroboh ketika PRU14

Nelayan asing sangka penguat kuasa sibuk uruskan pilihan raya

RUBIAH OMAR

KUALA TERENGGANU



Rahim (dua kanan) sedang melakukan pemeriksaan ke atas nelayan asing yang ditahan serta barang-barang rampasan di salah sebuah bot yang ditahan.

Nelayan warga asing mengambil kesempatan menceroboh perairan negara sempena PRU14 kerana menyangka akan 'selamat' disebabkan pihak penguat kuasa tidak bertugas dan sibuk menguruskan hal berkaitan pilihan raya.

Sangkaan itu meleset sama se-

kali selepas dua bot nelayan warga Vietnam itu ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) di dua lokasi berbeza iaitu antara 31 hingga 100 batu nautika dari muara Kuala Terengganu, kelmarin.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Rahim Ramli berkata, turut ditahan 18 awak-awak termasuk tekong berusia antara 30 hingga 40 tahun dalam dua tangkapan berasingan antara jam 12.52 tengah malam dan 6 petang, kelma-

rin.

Beliau berkata, tangkapan pertama dilakukan ke atas sebuah bot bersama 13 krew yang sedang menangkap ikan di jarak 100 batu nautika dari muara Kuala Terengganu.

"Siasatan mendapati mereka sudah dua hari berada di perairan negara untuk mencuri hasil laut.

"Selepas ditanya, mereka agak terkejut kerana menyangka pihak penguat kuasa tidak bertugas disebabkan masih sibuk dengan PRU14 lepas," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Daerah Maritim 9 (DM9), di sini, semalam.

Rahim berkata, dalam perjalanan menunda bot pertama itu untuk

dibawa ke jeti, anggota penguat kuasa terserempak pula dengan sebuah bot 'tempatan' tetapi berada dalam keadaan mencurigakan.

"Sejurus pemeriksaan dijalankan, didapati terdapat lima krew warga Vietnam ada di dalam bot 'tempatan' tersebut sebelum siasatan lanjut mendapati bot digunakan adalah bot klon.

"Pemeriksaan seterusnya mendapati kesemua dokumen perjalanan bot adalah dari Vietnam," katanya.